

Abdullah Khairi, Ustazah Asma' Harun dan beberapa orang lagi pendakwah tanah air, mereka juga menggunakan aplikasi ini dalam usaha penyampaian dakwah. Medan ini dipilih adalah kerana ianya lebih dekat dan segar dalam penerimaan masyarakat.

PENUTUP

Jika persoalannya apakah betul penggunaan Tiktok ini baik dan membantu dalam pembelajaran, maka jawapan asasnya adalah bergantung kepada cara penggunaannya. Tidak dinafikan, terdapat juga kelemahan pada penggunaan aplikasi ini. Namun, kebaikan atau keburukan itu sebenarnya bergantung kepada pengguna itu sendiri. Dalam konteks penyebaran ilmu, aplikasi ini dilihat mendatangkan lebih banyak kebaikan berbanding dengan keburukan.

Jarum pada jam akan terus berdetak, dunia pula akan terus berputar. Putaran dunia itu merubah segalanya termasuklah perubahan dalam bidang teknologi. Jika masyarakat tidak dapat mengikuti setiap perubahan yang berlaku, maka kerisauan yang paling besar adalah mereka akan ketinggalan zaman. Dalam konteks pendidikan pula, kedua belah pihak sama ada pendidik mahupun pelajar, kedua-duanya perlu bersepadu dalam menentukan kaedah penyampaian dan penerimaan yang paling maksimum. Jika dulu, seseorang yang dahagakan ilmu mereka perlu membelah dan menelaah kitab dan buku. Sebaliknya, dunia

hari ini bagi mereka yang dahagakan ilmu kaedahnya lebih mudah, di mana melalui telefon pintar sahaja mereka pasti akan dapat jawapannya. Baik ataupun buruk, tepuk dada tanya hati. Jika kebaikan yang dicari maka baiklah dapatannya dan begitulah juga sebaliknya.

Rujukan

- Nesinda Baquita, Revan Dewa Putra, Sulthan Al-Farres, Rusaida Al-Adha, Kevan Hendrik Herlambang. (2021, Februari). The Implication of Tiktok as a Social Media on Customer Attraction. 1-6. Retrieved September 14, 2021,
- Rosella Iodice, Concetta Papacicco. (2021). To be a Tiktoker in Covid-19 Era: An Experience of Social Influence. Online Journal of Communication and Media Technologies(11 (1)), 1-12. doi:<https://doi.org/10.30935/ojcm/9615>
- Xu, Li, Xiaohui Yan, Zhengwu Zhang. (2019, June). Research on the Causes of the "Tik Tok" App Becoming Popular and the Existing Problems. Journal of advanced Management Science, Vol 7(No 2), 59. Retrieved September 14, 2021, from

Keperluan Pemimpin Mengikuti Pandangan Islam

Oleh: **Ahmad Faiz bin Haji Ahmad Ubaidah**

Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam Kontemporari. UiTM Cawangan Negeri Sembilan

Keperluan pemimpin dalam sesebuah masyarakat atau institusi tidak dapat dipertikaikan kerana tanpa pemimpin sesebuah masyarakat, institusi atau badan tidak akan dapat berjalan dengan lancar. Justeru itu agama Islam sebagai satu agama yang di wahyu oleh Allah SWT kepada Rasulullah dan diperintahkan untuk menyampaikan kepada manusia dan jin demi untuk kebahagiaan dan keselamatan mereka di dunia dan di akhirat. Malah Islam menganggap kewujudan pemimpin dalam sesebuah masyarakat atau badan adalah suatu perkara yang tidak boleh diabaikan. Sehubungan ini Abu Dawud meriwayatkan daripada Abu Said dan Abu Hurairah (RA) bahawa Rasulullah SAW bersabda: *"Apabila tiga orang keluar bermusafir maka hendaklah mereka melantik salah seorang daripada mereka untuk menjadi ketua atau amir"*.

Dalam konteks negara pula melantik seorang khalifah atau imam (Ketua Negara) adalah wajib. Justeru tanpa seorang khalifah atau imam yang bertanggungjawab menjalankan segala urusan yang berkaitan dengan kepentingan umat Islam maka keadaan negara Islam akan menjadi kucar-kacir, kerana pelaksanaan hukum-hukum Islam, memungut hasil negara, melantik kadi, menjaga

keselamatan negara, menubuh pasukan tentera, membicarakan kes-kes yang timbul, menyelesaikan perbalahan dan sebagainya, kesemuanya adalah memerlukan kepada pemimpin.

Oleh yang demikian, apabila Rasulullah SAW wafat maka sebahagian daripada sahabat termasuk Abu Bakar dan Umar bin al-Khattab telah berkumpul di satu tempat yang bernama Saqifah Bani Saidah untuk membincangkan perlantikan khalifah. Apabila mereka berselisih pendapat tentang siapakah dan dari golongan manakah khalifah perlu dilantik maka orang-orang Ansar telah mengusulkan supaya khalifah itu dilantik seorang daripada puak Ansar dan seorang lagi daripada puak Muhajirin. Tetapi cadangan ini telah disanggah oleh Abu Bakar dengan menghujahkan bahawa orang Arab tidak akan patuh melainkan kepada pemimpin orang Quraisy. Mendengar kepada hujjah tersebut maka kesemua mereka yang hadir dengan sebulat suara telah melantik Abu Bakar untuk menjadi khalifah.

Andainya perlantikan khalifah tidak wajib nescaya para sahabat tidak sewenang-wenang membincangkan perkara itu, apatah lagi pada ketika itu jenazah Rasulullah SAW masih belum dikebumikan.